

PKEN diarah bentuk jawatankuasa kordinasi



DATIN PADUKA
RAFIDAH AZIZ

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz mengarahkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) menubuhkan jawatankuasa koordinasi bagi mengesan dalam bidang manakah boleh diwujudkan kerjasama di antara agensi-agensi.

Beliau menegaskan, tindakan tersebut diambil bagi memastikan tidak berlaku apa-apa penggandaan kerja yang tidak berfaedah.

"Manakala projek yang hendak dijalankan mesti diteliti dahulu oleh jawatankuasa teknikal untuk memastikan sama ada projek itu wajar dijalankan oleh perbadanan awam itu sendiri ataupun tidak," katanya dalam Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Encik Lim Kit Slang (DAP Petaling) yang menyebut bahawa pembinaan hospital pakar Johor Bahru yang diusahakan oleh

PKEN secara usaha-hasama merupakan suatu duplikasi.

Katanya, pembinaan hospital pakar-pakar oleh PKEN Johor tidak berlaku apa-apa duplikasi perkhidmatan kerajaan dalam bidang itu.

Buat masa ini belum ada hospital pakar yang ditubuhkan oleh kerajaan di Negeri Johor, dan juga penubuhannya itu telah didorong oleh beberapa perkara yang dianggap wajar seperti:

Ramainya bilangan warganegara Malaysia dan pihak-pihak yang tinggal di sini pergi ke negara jiran untuk mendapatkan rawatan pakar.

Perpindahan

PKEN Johor dapat berfungsi sebagai pengusaha perintis di bidang rawatan pakar dengan memberi peluang kepada doktor-doktor pakar berusaha sama di dalam hospital tersebut.

Dapat mengurangkan perpindahan pakar-pakar keluar negeri dan juga mendapatkan penyertaan pakar-pakar bumiputera di hospital tersebut.

Ini jelas, katanya, daripada bulan April 1981 sehingga akhir Ogos 1981, seramai 2,300 orang pesakit telah dirawat di hospital tersebut yang datang bukan sahaja dari Negeri Johor tetapi juga dari Melaka, Sabah, Singapura dan Brunel.

Datin Paduka Rafidah menjelaskan dasar kerajaan tidak membenarkan mana-mana perbadanan-perbadanan awam termasuk PKEN menjalankan aktiviti yang bertindih dengan ataupun duplikasi kepada perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang sedia ada.

Menjawab soalan tambahan Datuk Yusof Mallim Kuning, beliau berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menggalakan semua (PKEN) membina hospital-hospital pakar masing-masing sendiri.

Katanya, pakar seperti yang dibuat di Johor Bahru mengikut keutamaan PKEN masing-masing.

8,900 biasiswa kerajaan ditawarkan sehingga 1980

KUALA LUMPUR, Rabu — Kira-kira 8,900 penuntut dan pegawai kerajaan telah diberi biasiswa kerajaan sebelum tahun 1981 untuk melanjutkan pelajaran di seberang laut, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Ketika menjawab soalan Encik Au How Cheong (BN-Telok Anson) Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Chan Siang Sun berkata, biasiswa ditawarkan untuk kursus peringkat ijazah dan ijazah lanjutan.

Katanya, syarat-syarat mendapatkan biasiswa mengikuti kursus ijazah antaranya kursus berkenaan tidak ada ditawarkan di universiti-universiti tempatan.

Sementara peringkat ijazah lanjutan - sarjana atau doktor falsafah biasiswa ditawarkan kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia